

# Dr. M dan Tengku Razaleigh calon Presiden, Timbalan

KOTA BHARU, Isnin — Lapan dari 12 bahagian UMNO Negeri Kelantan mencalonkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden UMNO dan Tengku Razaleigh Hamsah selaku Timbalannya untuk Perhimpunan Agung UMNO Malaysia, 28 Jun ini.

Tiga Bahagian yang mengadakan mesyuarat perwakilan sebelum 15 Mei mencalonkan Datuk Hussein Onn sebagai Presiden, Datuk Seri Dr. Mahathir selaku Timbalan Presiden dan Tengku Razaleigh Hamsah, Datuk Musa Hitam dan Encik Ghafar Baba untuk jawatan Naib Presiden.

Bahagian-bahagian tersebut ialah Pasir Puteh, Rantau Panjang dan Machang.

Sementara Bahagian Kuala Krai pula mengikut tradisinya tidak membuat sebarang pencalonan.

Berikut ialah pencalonan yang dibuat oleh lapan bahagian berkenaan.

Bahagian Pengkalan Chepa — Presiden, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Presiden, Tengku Razaleigh Hamsah, Naib Presiden Tengku Ahmad Rithauddeen, Encik Ghafar Baba dan Datuk Manan Othman. Ahli Majlis Tertinggi — Datuk

Haji Mohamad Yaacob, Tengku Ahmad Rithauddeen, Datuk Dr. Nik Hussein dan Encik Kassim Ahmad.

Bahagian Pasir Mas — Presiden Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Presiden, Tengku Razaleigh Hamsah, Naib Presiden

Encik Ghafar Baba, Datuk Syed Najar Shahabuddin dan Datuk Rais Yatim. Ahli Majlis Tertinggi, Datuk Haji Mohamad Yaacob, Datuk Haji Embong Yahya, Datuk Haji Kamaruddin Mat, Isa, Datuk Mohd Najib Tun Razak, Datuk Haji Mohamad Haji Ali, Senator Haji Ariffin Salleh dan Datuk Dr. Nik Hussein Abdul Rahman.

Bahagian Kota Bharu — Presiden Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Presiden, Tengku Razaleigh Hamsah, Naib Presiden Tengku Ahmad Rithauddeen dan Datuk Musa Hitam.

Di antara 20 calon Ahli Majlis Tertinggi ialah Tengku Ahmad Rithauddeen, Datuk Haji Mohamad Yaacob, Datuk Mohamad Rahmat, Datuk Rais Yatim, Tan Sri Ghazali Shafie, Datin Paduka Rafidah Aziz, Datuk Shariff Ahmad, Datuk Seri Amar Haji Wan Mokhtar Ahmad, Tan Sri Haji Othman Saad, Datuk Haji Wan Mohamad Wan Teh, Datuk Abdullah Ahmad, Datuk Hamsah Abu Samah, Datuk Zakaria Abdul Rahman, Encik Ghafar Baba, Datuk Mokhtar Hashim dan Datuk Manan Othman.

Bahagian Tumpat — Presiden, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Presiden,

Tengku Razaleigh Hamsah, Naib Presiden, Tengku Ahmad Rithauddeen, Encik Ghafar Baba dan Datuk Musa Hitam, manakala Ahli Majlis Tertinggi pula semua Menteri Besar dan Ketua Menteri, Encik Sanusi Jonid, Datuk Manan Othman, Datuk Shariff Ahmad dan Datuk Dr. Nik Hussein Abdul Rahman.

Bahagian Bachok — Presiden, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Presiden Tengku Razaleigh Hamsah, Naib Presiden Encik Ghafar Baba, Datuk Musa Hitam dan Datuk Senu Abdul Rahman.

Bahagian Tanah Merah — Presiden, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Presiden, Tengku Razaleigh Hamsah, Naib Presiden, Tengku Ahmad Rithauddeen, Datuk Musa Hitam dan Encik Ghafar Baba.

Bahagian Ulu Kelantan — Presiden, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalan Presiden, Tengku Razaleigh Hamsah. Manakala calon Naib Presiden, mesyuarat perwakilan itu yang diadakan Jumaat lalu, menyerahkan kepada jawatankuasa bahagian.

Bahagian Nilam Puri — Presiden Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Presiden Tengku Razaleigh Hamsah, Naib Presiden, Tengku Ahmad Rithauddeen, Encik Ghafar Baba dan Datuk Musa Hitam.

Bahagian Pasir Mas yang mengadakan mesyuaratnya semalam merupakan bahagian terakhir di Kelantan mengadakan mesyuarat perwakilannya.